

ANALISIS KELEMAHAN PENULISAN KARANGAN EKSPOSISI MURID INDIA TINGKATAN TIGA

NURUL IZZATI BINTI YAACUB

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**ANALISIS KELEMAHAN PENULISAN KARANGAN
EKSPOSISI MURID INDIA
TINGKATAN TIGA**

NURUL IZZATI BINTI YAACUB

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنورسیتی فئدیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 25/8/2023

Perakuan Pelajar:

Saya, NURUL IZZATI BINTI YAACUB , M20162001845 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk ANALISIS KELEMAHAN PENULISAN KARANGAN EKSPOSISI MURID INDIA TINGKATAN TIGA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROF. MADYA DR. ADENAN BIN AYOB dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS KELEMAHAN PENULISAN KARANGAN EKSPOSISI MURID INDIA TINGKATAN TIGA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU).

25.10.2023

Tarikh

Adenan

Tandatangan Penyelia



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS KELEMAHAN PENULISAN KARANGAN
EKSPOSISI MURID INDIA TINGKATAN TIGA

No. Matrik / Matric's No.: M20162001845

Saya / I: NURUL IZZATI BINTI YAACUB

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Adenan



(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 25/08/2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya jua dapat pengkaji menyiapkan kajian ini mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Pertama sekali, sekalung budi dan penghargaan pengkaji ucapkan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Adenan Ayob yang telah sudi memberi segala tunjuk ajar, meluangkan masa membimbing, galakan, sumbangan buah fikiran serta menyelia saya sehingga berjaya menyiapkan kajian ilmiah ini. Di samping itu, tidak lupa juga pensyarah-pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar secara tidak langsung memudahkan pengkaji menjalankan kajian.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada suami, anak dan ibu bapa saya yang banyak mendorong dan mendorong saya sehingga ke peringkat ini. Ucapan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan yang banyak membantu tanpa jemu sehingga terhasilnya kajian ilmiah ini dengan sempurna.

Akhir sekali, dirakamkan sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan kajian ilmiah ini. Segala jasa-jasa yang diberikan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Sekian, Terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk: (i) Menganalisis kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga; (ii) Mengenal pasti faktor kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga; dan (iii) Menganalisis perbezaan antara peratus faktor kelemahan kata tugas dengan markah penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga. Sampel kajian ialah 30 orang murid India tingkatan tiga. Sampel murid adalah daripada kelompok yang telah disediakan, iaitu daripada kumpulan yang telah ditentukan oleh pihak sekolah. Data kajian telah dianalisis secara analisis teks secara tematik dan deskriptif. Data analisis teks ialah kelemahan kata tugas dan peratus faktor masing-masing dengan berpanduan Corder (1974). Hasil kajian menunjukkan terdapat enam jenis kelemahan kata tugas yang sering dilakukan oleh murid India tingkatan tiga dalam penulisan karangan eksposisi iaitu kata hubung, kata bantu, kata pemer, kata sendi nama, kata arah dan kata bantu. Kelemahan yang paling tinggi dicatat ialah penambahan kata hubung yang tidak perlu sebanyak 37 kesalahan. Pengguguran kata sendi nama yang perlu mencatatkan kelemahan yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 35 kesalahan. Dapatan kajian bagi faktor kelemahan kata tugas pula memaparkan faktor menggugurkan kata sendi nama dalam binaan ayat merupakan faktor yang tertinggi dicatatkan iaitu sebanyak 35 kekerapan. Perbezaan antara peratus faktor kelemahan kata tugas dengan markah penulisan karangan murid menunjukkan semakin tinggi peratus faktor kelemahan kata tugas, semakin rendah markah penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga. Daripada ujian ini menunjukkan bahawa kelemahan murid menguasai hukum bahasa bagi kata tugas telah menjejaskan markah penulisan karangan eksposisi. Implikasi kajian ini dapat memberikan input tentang kelemahan kata tugas dan faktor penyebab yang konkrit bahawa penelitian kelemahan kata tugas dan faktor kelemahannya perlu diteliti dari sudut yang lengkap dan pelbagai yang meliputi subbidang morfologi. Daripada analisis berasaskan Corder (1973), setiap kelemahan kata tugas menerusi kelemahan penulisan adalah cerminan daripada kesalahan yang wujud dalam pembelajaran bahasa kedua.





ANALYSIS OF WEAKNESSES IN WRITING EXPOSITION ESSAY OF LEVEL 3 INDIAN STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to: (i) Analyze the weakness of task words in the writing of expository essays by third-grade Indian students; (ii) Identifying the weak factor of task words in the writing of expository essays of third grade Indian students; and (iii) Analyzing the difference between the percentage of the word weakness factor of the task and the writing score of third grade Indian students' expository essays. The study sample is 30 third grade Indian students. The student sample is from the group that has been prepared, that is from the group that has been determined by the school. The research data has been analyzed by textual analysis thematically and descriptively. The data of the text analysis is the word weakness of the task and the percentage of each factor with the guidance of Corder (1974). The results of the study show that there are six types of task word weaknesses that are often done by third grade Indian students in writing expository essays, namely conjunctions, auxiliary words, adjectives, noun phrases, adverbs and auxiliary words. The highest noted weakness is the addition of unnecessary conjunctions as many as 37 errors. The omission of noun conjunctions that need to be recorded has the second highest weakness, which is as many as 35 errors. The findings of the study for the weakness factor of task words show that the factor of dropping noun conjunctions in sentence construction is the factor with the highest recorded frequency of 35. The difference between the percentage of the word weakness factor of the task and the student's essay writing score shows that the higher the percentage of the word weakness factor of the task, the lower the score of the expository essay writing of third grade Indian students. From this test, it shows that the students' weakness in mastering the language rules for task words has affected the writing score of the expository essay. The implications of this study can provide input about the weakness of task words and concrete causal factors that research on the weakness of task words and their weakness factors needs to be examined from a complete and diverse angle that covers morphological subfields. From the analysis based on Corder (1973), every task word weakness through writing weakness is a reflection of the mistakes that exist in learning a second language.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvi

BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Soalan Kajian	8
	1.6 Kerangka Teoretikal Kajian	9

1.7	Definisi Operasional	11
1.7.1	Kelemahan Kata Tugas	11
1.7.2	Faktor Kelemahan Kata Tugas	11
1.7.3	Karangan Eksposisi	11
1.7.4	Murid India (Pengguna Bahasa Kedua)	12
1.7.5	Teori Corder (1974)	12
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.9.1	Mendedahkan Murid India Tentang Kelemahan Kata Tugas Dalam Penulisan Karangan Eksposisi	14
1.9.2	Membantu Guru Bahasa Melayu Menerapkan Teknik Yang Sesuai Dalam Pengajaran Kata Tugas Bagi Karangan Eksposisi	15
1.9.3	Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid Di Sekolah Terhadap Penulisan Karangan Eksposisi	16
1.9.4	Merangka Kursus Penambahbaikan Pdpc Karangan Eksposisi Yang Berkesan Kepada Guru	17
1.9.5	Merangka Langkah-Langkah Penambahbaikan Terhadap Program Sedia Ada	18
1.10	Kesimpulan	19

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Kemahiran Menulis Karangan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran	21

2.3	Teori Pemerolehan Bahasa Kedua	25
2.3.1	Teori Corder	25
2.4	Kajian Lepas Analisis Kelemahan Penulisan Karangan	28
2.5	Faktor Kelemahan Penulisan Karangan	43
2.6	Fokus Kajian ini: Analisis Kelemahan Kata Tugas dan Faktor Kelemahan	48
2.7	Kesimpulan	51

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Sampel Kajian	55
3.3.1	Pewajaran Pemilihan Sampel Kajian	57
3.4	Instrumen Kajian	57
3.4.1	Tajuk Karangan	58
3.4.2	Skrip Penulisan Karangan Eksposisi Murid India Tingkatan Tiga dan Pewajaran Pemilihan Karangan Eksposisi	58
3.4.3	Kewajaran Pemilihan Kata Tugas	59
3.4.4	Analisis Kelemahan Kata Tugas	60
3.4.5	Tatacara Peratus Faktor Kelemahan Kata Tugas	61
3.4.6	Analisis Perbezaan Peratus Faktor Kelemahan Kata Tugas dengan Markah Penulisan Karangan Eksposisi Murid India Tingkatan Tiga	64

3.4.7	Rubrik Penskoran Karangan Bahasa Melayu Bahagian B	65
3.4.8	Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga	67
3.5	Analisis Kelemahan Kata Tugas Berasaskan Teori Corder (1974)	67
3.6	Analisis Faktor Kelemahan dengan Berasaskan Pandangan Corder (1973)	67
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	68
3.7.1	Peringkat Sebelum Kajian	68
3.7.2	Peringkat Semasa Kajian	68
3.7.3	Peringkat Selepas Kajian	69
3.8	Prosedur Penganalisan Data	69
3.8.1	Analisis Dokumen (Teks Karangan)	70
3.8.2	Analisis Statistik	70
3.8.3	Penganalisan Data	71
3.9	Kesimpulan	72

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	74
4.2	Demografi Responden	75
4.3	Dapatan Kajian	76
4.3.1	Menjawab Soalan Kajian 1:	77
4.3.1.1	Analisis Data Kualitatif Kelemahan Kata Hubung	78

4.3.1.2	Analisis Data Kualitatif Kelemahan Kata Bantu	83
4.3.1.3	Analisis Data Kualitatif Kelemahan Kata Pemerl	85
4.3.1.4	Analisis Data Kualitatif Kelemahan Kata Sendi Nama	87
4.3.1.5	Analisis Data Kualitatif Kelemahan Kata Arah	92
4.3.1.6	Analisis Data Kualitatif Kelemahan Kata Bilangan	93
4.3.2	Menjawab Soalan Kajian 2:	95
4.3.3	Menjawab Soalan Kajian 3:	99
4.4	Kesimpulan	101

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	103
5.2	Rumusan	104
5.3	Perbincangan	105
5.3.1	Analisis Kelemahan Kata Tugas dalam Penulisan Karangan Eksposisi	105
5.3.2	Analisis Faktor Kelemahan Kata Tugas dalam Penulisan Karangan Eksposisi	108
5.3.3	Perbezaan Peratus Kelemahan Kata Tugas dengan Markah Karangan Eksposisi Murid India Tingkatan Tiga	110
5.4	Implikasi	112
5.4.1	Implikasi terhadap Pengajaran Guru	112

5.4.2	Implikasi terhadap Murid	114
5.5	Cadangan Kajian: Tempoh Masa, Penggunaan Makmal Bahasa, Pemilihan Sekolah dan Reka Bentuk Kajian Eksperimen	116
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	117
5.7	Kesimpulan	119
RUJUKAN		120

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Penulisan Karangan. Sumber: DSKP Bahasa Melayu Tingkatan Tiga KSSM (2017)	22
3.1	Analisis Kelemahan Kata Tugas	61
3.2	Faktor Kelemahan (Berasaskan Pandangan Corder, 1973)	63
3.3	Pengadaptasian Faktor Kelemahan Kata Tugas	64
3.4	Perbezaan Peratus Faktor Kelemahan Kata Tugas Dengan Markah Penulisan Karangan Eskposisi	64
3.5	Rubrik Penskoran Karangan Bahasa Melayu Bahagian B	65
3.6	Analisis data	71
4.1	Perancangan Rumusan Numerik Kelemahan Kata Tugas	76
4.2	Penambahan Kata Hubung Yang Tidak Perlu	78
4.3	Pengguguran Kata Hubung Yang Perlu	81
4.4	Pemilihan Kata Hubung Yang Tidak Tepat	82
4.5	Penyusunan Kata Hubung Yang Salah	83
4.6	Penambahan Kata Bantu Yang Tidak Perlu	84
4.7	Pengguguran Kata Bantu Yang Perlu	84
4.8	Pemilihan Kata Bantu Yang Tidak Tepat	85

4.9	Penambahan Kata Pemerl Yang Tidak Perlu	85
4.10	Pengguguran Kata Pemerl Yang Perlu	86
4.11	Pemilihan Kata Pemerl Yang Tidak Tepat	86
4.12	Penambahan Kata Sendi Nama Yang Tidak Perlu	87
4.13	Pengguguran Kata Sendi Nama Yang Perlu	89
4.14	Pemilihan Kata Sendi Nama Yang Tidak Tepat	90
4.15	Penambahan Kata Arah Yang Tidak Perlu	92
4.16	Pengguguran Kata Arah Yang Perlu	93
4.17	Penambahan Kata Bilangan Yang Tidak Perlu	94
4.18	Pengguguran Kata Bilangan Yang Perlu	94
4.19	Pemilihan Kata Bilangan Yang Tidak Tepat	95
4.20	Faktor Kelemahan Enam Jenis Kata Tugas	96
4.21	Perbezaan Antara Peratus Faktor Kelemahan Kata Tugas Dengan Markah Penulisan Karangan Eksposisi	99

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1	Kerangka Teoretikal Kajian Berdasarkan Lima Peringkat Analisis Kesalahan oleh Corder (1974) 9
2.1	Kelompangan Kajian Lalu 50
3.1	Reka Bentuk Campuran Yang Diguna Dalam Kajian 54
3.2	Proses Persampelan 56
3.3	Carta Alir Pengumpulan Data dan Penganalisan Data Kajian 72

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KA	Kata Arah
KB	Kata Bilangan
KBT	Kata Bantu
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KH	Kata Hubung
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPR	Kata Pemerl
KSN	Kata Sendi Nama
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PAWAT	Peperiksaan Awal Tahun
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PG	Pengguguran Kata Tugas Yang Perlu

PM	Pemilihan Kata Tugas Yang Tidak Tepat
PN	Penambahan Kata Tugas Yang Tidak Perlu
PSS	Pusat Sumber Sekolah
PY	Penyusunan Kata Tugas Yang Salah
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SJK (T)	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Standard Pembelajaran
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
TP	Tahap Penguasaan

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Permohonan Menjalankan Kajian
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- C Soalan Peperiksaan Awal Tahun Karangan Bahagian B
- D Karangan Eksposisi Murid India Tingkatan Tiga
- E Karangan Eksposisi Murid India Tingkatan Tiga
- F Karangan Eksposisi Murid India Tingkatan Tiga

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam bab ini dibincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan soalan kajian. Selanjutnya, perbincangan adalah tentang kerangka teori, kepentingan dan batasan kajian. Perbincangan lanjut adalah tentang definisi operasional. Bab ini turut berfokus kepada pernyataan masalah yang menyentuh tentang isu dan fenomena, masing-masing melibatkan analisis kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga, dan faktor kelemahan tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemahiran menulis ialah kemahiran tertinggi dalam aspek kemahiran bahasa. Kemahiran menulis adalah diasas kepada kemahiran mendengar, bertutur, dan



membaca. Kemahiran menulis meliputi gabungan pelbagai aspek seperti menulis perkataan, ayat, perenggan dan pengaliran idea yang kritis dan kreatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Kemahiran menulis juga ialah lambang bahasa menerusi penyusunan perkataan, rangkaian, ayat dan unit yang lebih panjang dengan berpandukan peraturan tertentu (Simah Mamat, Azni Yati, Siti Nur, Mohd Al-Fatah & Mashariana, 2021). Tujuannya untuk menunjukkan wacana dan penggarapan idea yang jelas dan tersusun (Simah Mamat *et al.*, 2021), iaitu murid menyedari kemahiran menulis secara umumnya berlaku dalam hubungan berfikir atau dikait dengan metakognisi. Oleh itu, pembelajaran kemahiran menulis menjadi satu cabaran kepada murid kerana keupayaan metakognisi perlu dilibatkan secara berproses (Habsah & Yahya, 2018). Menurut Wan Rohani, Mohd Zaki, Mohamad Azrien dan Nor Hazrul, (2020) pula, kemahiran menulis adalah sangat kompleks dan telah dipersetujui oleh kebanyakan sarjana pendidikan bahasa bahawa perlu bermula setelah kemahiran lain telah dikuasai murid. Oleh itu, cabaran ini adalah sangat penting diteliti perkembangannya oleh pengguna bahasa kedua. Justeru, antaranya murid India yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua memang menghadapi kesulitan dalam kemahiran menulis karangan (Amirra & Vijayaletchumy, 2019).

Pernyataan umum diungkap bahawa bahasa Melayu ialah bahasa pengantar yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Ini ketara menunjukkan kedudukan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama hanya untuk sekolah kebangsaan sahaja. Dari sudut demokrasi pendidikan, sekolah jenis kebangsaan juga dibenarkan menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar sekolah. Dengan adanya pembelajaran Bahasa Melayu, justifikasi ini mewujudkan peluang kepada murid India untuk menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Hakikatnya, masih





terdapat sebahagian murid sebagai pengguna bahasa kedua dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka dan beberapa faktor dalaman bahasa (khususnya hukum bahasa) ketika belajar Bahasa Melayu (Khairul & Wan Muna, 2017). Permasalahan ini wujud sehingga murid melangkah ke alam menengah. Ooi dan Vijayaletchumy (2017) berpendapat bahawa penguasaan bahasa kedua amat berbeza berbanding bahasa pertama. Hal ini demikian kerana bahasa pertama kerap digunakan dalam kehidupan seharian murid.

Lantaran itu, pembelajaran kemahiran menulis terutamanya penulisan karangan menjadi cabaran yang kompleks bagi murid bahasa kedua (Aman Shah, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis, 2021). Implikasinya, murid bahasa kedua menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran menulis karangan bahasa Melayu (Aman Shah *et al.*, 2021). Kenyataan ini selari dengan pandangan Jamayah dan Fariza (2019) yang menyatakan bahawa murid bahasa kedua masih lemah dalam penulisan karangan terutama penggunaan kata pemerai, kata ganti nama, kata sendi nama, kata majmuk dan kata adjektif. Dari satu sudut, kelemahan penulisan karangan murid bahasa kedua bukan sahaja dalam karangan genre tertentu sahaja malah berlaku dalam penulisan karangan jenis eksposisi (Khaled Salem & Ahmad Taufik, 2021).

Sehubungan dengan itu, aspek pembelajaran penulisan karangan eksposisi bahasa Melayu perlu diberi perhatian khusus. Hal ini demikian kerana penguasaan bahasa Tamil secara tidak formal sejak kecil pasti mengakibatkan penulisan karangan murid India dipengaruhi oleh faktor tertentu. Sistem bahasa Tamil yang menggunakan aksara Tamil melambangkan suatu morfem, iaitu unit dalam bahasa yang mempunyai maksud termasuk abstrak. Implikasinya, murid India mudah dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka dalam penulisan karangan eksposisi Bahasa Melayu. Situasi ini dapat





dilihat di sekolah menengah kebangsaan yang 90% murid adalah terdiri daripada murid India. Tidak dapat disangkal bahawa terdapat pengaruh tertentu dalam penulisan karangan eksposisi Bahasa Melayu murid India dalam tingkatan tiga. Oleh itu, penyelidikan yang khusus perlu dilakukan untuk mengatasi permasalahan ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Kegagalan murid bahasa kedua untuk menguasai penulisan karangan dengan baik sering dikaitkan dengan kegagalan dalam peperiksaan. Kegagalan dalam peperiksaan ini amat dipengaruhi oleh kelemahan dalam penulisan karangan (Ooi & Vijayalecthummy, 2017). Kelemahan dalam penulisan karangan memberi kesan negatif terhadap pencapaian peperiksaan mata pelajaran bahasa Melayu. Kesan negatif ini dapat dilihat melalui jurang prestasi keputusan murid Tamil dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah bagi tahun 2016 di sekolah jenis kebangsaan dengan sekolah kebangsaan dalam ujian penulisan Bahasa Melayu (Amirra & Vijayalecthummy, 2019). Purata mata pelajaran menunjukkan keputusan Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan adalah sebanyak 2.55 berbanding keputusan di sekolah kebangsaan sebanyak 2.99. Situasi ini turut berlaku di sekolah menengah kebangsaan yang terletak di dalam daerah Kinta Utara, Ipoh yang menunjukkan sebanyak 70% murid India gagal dalam ujian penulisan karangan eksposisi Bahasa Melayu disebabkan morfologi kata tugas (Laporan Panitia Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Puteri, Ipoh, 2020). Keputusan ini membimbangkan pengurusan sekolah kerana Bahasa Melayu ialah mata pelajaran wajib lulus (Laporan Panitia Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Puteri, Ipoh, 2020). Murid India yang menggunakan bahasa



Melayu sebagai bahasa kedua ketara lemah dalam kata tugas menerusi penulisan karangan (Laporan Panitia Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Puteri, Ipoh, 2020) yang melibatkan kata hubung, kata bantu, kata pemer, kata sendi nama, kata arah dan kata bilangan.

Permasalahan dianggap kritikal seperti ini juga dikesan menerusi kajian penulisan menerusi Khaled Salem dan Ahmad Taufik (2021) dalam kalangan pelajar Jordan. Daripada kajian lain sebelum itu oleh Jamayah dan Fariza (2019) menerusi teori Corder (1974), kelemahan kata dalam penulisan adalah ketara, iaitu sering kali berlaku dalam penulisan ayat bagi karangan. Daripada kajian mereka juga didapati terdapat beberapa faktor terhadap kelemahan beberapa jenis kata tugas dalam karangan murid Melayu. Antaranya ialah pengaruh persekitaran yang menyebabkan unsur penyimpangan daripada hukum bahasa, seperti yang menyentuh tentang kata hubung dan sendi. Ekoran situasi tersebut yang agak kritikal, pihak bertanggungjawab dalam pendidikan umpamanya didapati berusaha untuk menanganinya (Cicilia Deandra Maya Putri, 2023). Di Malaysia, usaha cuba dilakukan menerusi peranan pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (Huei Shin & Faridah, 2022). Terdapat penyelidikan khusus dilakukan dalam kajian tinjauan untuk mengenal pasti faktor kelemahan dalam golongan kata seperti kata tugas dalam penulisan (Huei Shin & Faridah, 2022). Dalam kajian Huei Shin dan Faridah (2022) juga, faktor kefahaman murid tentang kata tugas adalah ketara menjejaskan kualiti karangan murid. Sebelum itu, dalam kajian yang berkaitan menunjukkan bahawa kefahaman kata tugas dari sudut struktur adalah penting dalam aspek penulisan terutamanya menerusi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi murid India (Alhaadi & Zaitul Hamzah, 2018). Sebelum kajian Alhaadi dan Zaitul Hamzah (2018), terdapat penyelidikan yang





dilakukan oleh Zaliza Nasir (2017) yang menunjukkan hasil bahawa kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan murid adalah atas faktor kekeliruan makna perkataan. Terdapat pelbagai faktor lain yang menjadi penyumbang kepada kelemahan kata dalam penulisan karangan murid India yang menyentuh tentang aspek jasmani, emosi, rohani, kemampuan intelek dan persekitaran (Nurhidayah & Wan Muna, 2023).

Kajian oleh Zaliza (2017) berfokus kepada peratus faktor kelemahan. Kajian oleh Alhaadi dan Zaitul Hamzah (2018) pula memberikan tumpuan kepada markah karangan murid. Masing-masing kajian adalah berasaskan teori analisis kelemahan oleh Corder (1974). Hakikatnya, daripada kajian Simah Mamat *et al.* (2021), disaran supaya penyelidikan yang mantap boleh memberikan fokus kepada faktor kelemahan dan markah yang pelajar peroleh. Tuntasnya, dalam usaha penyelesaian masalah, kajian ini cuba mengkaji tiga aspek iaitu: (i) Menganalisis kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga; (ii) Mengenal pasti faktor kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga; dan (iii) Menganalisis perbezaan antara peratus faktor kelemahan kata tugas dengan markah penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga.

Karangan eksposisi diberi penelitian dalam kajian ini kerana menjadi kelaziman murid India untuk menjawab soalan karangan genre eksposisi (Adenan Ayob, 2018; Laporan Panitia Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Puteri, Ipoh, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana karangan eksposisi lebih hampir dengan minat murid yang menjurus ke arah perkongsian pengalaman terhadap situasi tertentu. Kelemahan kata tugas diberi perincian kerana didapati golongan kata ini adalah lemah didominasi murid India dalam penulisan karangan eksposisi tingkatan tiga.



Penganalisan ini dijalankan dengan berpanduan sistem kata tugas yang ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015) dan berpaksikan teori Corder (1974); lima langkah. Selain itu, faktor yang mempengaruhi kelemahan kata dikenal pasti, dianalisis, dan diadaptasi daripada kajian Samina Sarwat Naeem Illah, Hafiz M. dan Tariq Mehmood, (2021) serta Corder (1973); empat kriteria. Dalam konteks penyeliaan ini, hal ini bertujuan memperoleh data yang empirikal terhadap perbezaan antara peratus faktor kelemahan dan markah karangan eksposisi murid India.

Dalam kajian yang berasaskan kualitatif dan kuantitatif ini, sampel ialah murid India tingkatan tiga. Dalam pemerolehan data, kaedah analisis karangan digunakan. Data pula dianalisis secara deskriptif bagi kelemahan kata tugas, faktor kelemahan, dan perbezaan antara peratus faktor dengan markah karangan murid India dalam karangan eksposisi.

1.4 Objektif Kajian

Daripada permasalahan yang wujud, objektif khusus digubal. Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Menganalisis kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga.
- ii. Mengenal pasti faktor kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga.



- iii. Menganalisis perbezaan antara peratus faktor kelemahan kata tugas dengan markah penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga.


1.5 Soalan Kajian

Daripada ketiga-tiga objektif kajian, soalan kajian digubal. Soalan-soalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Apakah kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga?
- ii. Apakah faktor kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi bagi murid India tingkatan tiga?
- iii. Adakah terdapat perbezaan antara peratus faktor kelemahan kata tugas dengan markah penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga?



1.6 Kerangka Teoretikal Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Teoretikal Kajian Berdasarkan Lima Peringkat Analisis Kesalahan oleh Corder (1974)

Rajah 1.1 memaparkan peringkat-peringkat Teori Corder (1974) yang menjadi sandaran kepada kajian ini. Corder (1974) mencadangkan lima peringkat berturut-turut untuk menjalankan kajian analisis kelemahan kata tugas iaitu pengumpulan data kesalahan, klasifikasi kesalahan, spesifikasi kesalahan, pendedahan kesalahan dan penilaian kesalahan. Berdasarkan peringkat-peringkat ini, selepas mengumpulkan korpus bahasa murid, kesalahan yang telah dikenal pasti akan ditentukan.

Pada peringkat pengumpulan data kesalahan, teks karangan eksposisi murid diteliti dan dianalisis untuk mengenal pasti kelemahan kata tugas yang telah dilakukan oleh murid. Analisis teks yang berpandukan Rubrik Penskoran Karangan Bahasa Melayu Bahagian B dilaksanakan bagi menentukan markah penulisan karangan eksposisi yang sewajarnya. Operasi kelemahan kata tugas dan faktor kelemahan disesuaikan dengan penggunaan Teori Corder (1974) serta empat kriteria Corder (1973). Peringkat seterusnya pula melibatkan peringkat klasifikasi, spesifikasi dan pendedahan kesalahan kata tugas yang telah dikenal pasti. Peringkat ini memainkan peranan penting bagi mengenal pasti faktor kelemahan berdasarkan hukum bahasa bagi kata tugas yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015) dan Corder (1973). Bagi menjawab objektif kajian yang ketiga, peringkat terakhir yang melibatkan penilaian kesalahan dijalankan bagi menganalisis perbezaan peratus faktor kelemahan kata tugas dengan markah karangan eskposisi murid India tingkatan tiga.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Kelemahan Kata Tugas

Kata tugas adalah untuk bertugas dalam tatabahasa seperti berfungsi sebagai penerang, penghubung, pemerih, penegas dan penguat (Laporan Panitia Bahasa Melayu, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Puteri, Ipoh, 2020). Bagi kajian ini, operasi kelemahan yang bersandarkan laporan panitia di atas dengan melibatkan pengesanan dalam kata hubung, kata bantu, kata pemerih, kata sendi nama, kata arah dan kata bilangan. Operasi semua jenis kata ini dirujuk kepada Tatabahasa Dewan Edisi Keempat (2015).

1.7.2 Faktor Kelemahan Kata Tugas

Operasi faktor kelemahan berfokus kepada kriteria-kriteria yang diasas kepada kajian (Corder, 1973). Operasi ini diorganisasi dalam Jadual 4.20. Terdapat empat kriteria untuk pengesanan faktor dengan berpandukan kajian Corder (1973), iaitu penguguran (omission), penambahan (addition), pemilihan kata yang tidak tepat (misinformation) dan penyusunan yang salah (misordering).

1.7.3 Karangan Eksposisi

Karangan eksposisi adalah tentang penjelasan dan pemaparan sesuatu topik (Simah Mamat *et al.*, 2021). Karangan eksposisi adalah antara 11 jenis penulisan karangan yang

murid perlu mahir (Simah Mamat *et al.*, 2021). Struktur karangan ini adalah sama dengan karangan jenis fakta atau pendapat, iaitu terdapat pendahuluan, isi, dan penutup. Markah karangan ini juga adalah sama dengan penilaian karangan-karangan jenis lain dengan berpandukan kriteria-kriteria penskoran dari segi isi, bahasa, dan pengolahan.

1.7.4 Murid India (Pengguna Bahasa Kedua)

Murid India bagi penyelidikan ini ialah pengguna bahasa kedua dalam kajian. Bahasa pertama atau bahasa ibunda muird India dalam penyelidikan ini ialah bahasa Tamil. Bahasa kedua yang dipelajari adalah dalam konteks penulisan karangan jenis eksposisi yang tergolong dalam kemahiran menulis. Bagi penyelidikan ini, murid India ialah sampel yang telah sedia ada.

1.7.5 Teori Corder (1974)

Teori Corder (1974) berasaskan lima peringkat dijana dalam penyelidikan ini (analisis kelemahan kata tugas). Operasi yang diukur ialah pengumpulan data kesalahan, klasifikasi kesalahan, spesifikasi kesalahan, pendedahan kesalahan dan penilaian kesalahan. Bagi kajian ini, kelemahan berkait dengan kesalahan yang dilakukan murid dalam kata tugas. Menurut Linda Meylinda (2023), kesalahan ialah kelemahan dalam tatabahasa.



1.8 Batasan Kajian

Bagi mengupayakan kajian, pengkaji telah menggariskan beberapa batasan dalam kajian ini. Antara batasan yang telah digariskan ialah:

- i. Tempat kajian telah dibataskan ialah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang terletak di dalam daerah Kinta Utara, Ipoh, Perak.
- ii. Kajian ini juga terbatas kepada sampel murid India, tingkatan tiga.
- iii. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang sampel dengan berdasarkan kelompok murid sedia ada (*intact group*) yang telah ditentukan oleh pihak sekolah.
- iv. Bidang kajian terbatas kepada penulisan karangan jenis eksposisi.
- v. Fokus kajian adalah untuk penganalisan kelemahan enam jenis kata tugas bahasa Melayu dan 20 faktor kelemahan kata tugas yang berdasarkan faktor hukum bahasa bagi kata tugas yang telah ditetapkan dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015) seperti kajian Samina Sarwat *et al.* (2021).
- vi. Pada peringkat pengumpulan data, skrip penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga, borang analisis kelemahan kata tugas dan borang analisis faktor kelemahan kata tugas digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian.
- vii. Dapatan kajian ini adalah bergantung kepada interpretasi analisis kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid India tingkatan tiga dan faktor kelemahan kata tugas.





1.9 Kepentingan Kajian

1.9.1 Mendedahkan Murid India Tentang Kelemahan Kata Tugas Dalam Penulisan Karangan Eksposisi

Kajian ini penting untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada murid tentang kelemahan-kelemahan yang dihadapi dalam penulisan karangan eksposisi dari aspek kata tugas. Hal ini demikian kerana terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kelemahan kata murid dalam penulisan karangan eksposisi seperti kosa kata yang ditulis kurang sesuai dengan konteks dan struktur kata mengikut bahasa pertuturan (Dyah Ayu Nugraheni & Dihliza Basya, 2018) dan sebagainya. Oleh itu, dengan pelaksanaan kajian ini kepentingannya menunjukkan peranan murid dalam mengatasi masalah yang dihadapi mereka.



Murid yang terpilih boleh membiasakan diri dengan membuat latihan yang berterusan, membaca akhbar, majalah-majalah ilmiah untuk membantu meningkatkan perbendaharaan kata dan kosa kata murid dalam penulisan karangan eksposisi. Meluaskan skop pembacaan terhadap bahan bacaan yang berkualiti seperti Dewan Siswa, Dewan Masyarakat, Pelita Bahasa, Dewan Budaya dan sebagainya dapat membantu murid meningkatkan mutu bahasa mereka. Kajian ini juga dapat menggalakkan murid untuk mengamalkan Bahasa Melayu standard dalam perbualan bersama rakan-rakan ketika sesi PdPc BM dan digalakkan menggunakan BM di luar persekolahan. Selain itu, dapat mengelakkan murid mengulangi kesalahan yang sama melalui penyemakan tugas murid oleh guru secara konsisten dan latih tubi yang berterusan.



1.9.2 Membantu Guru Bahasa Melayu Menerapkan Teknik Yang Sesuai Dalam Pengajaran Kata Tugas Bagi Karangan Eksposisi

Kajian ini telah mendapati bahawa murid India tingkatan tiga lemah dalam penulisan karangan eksposisi disebabkan oleh pemilihan bentuk kata yang mewakili bentuk unsur lain dalam situasi yang berbeza dan susunan perkataan yang salah dan sebagainya menyebabkan murid tidak dapat menguasai aspek kata dalam penulisan karangan eksposisi. Oleh hal yang demikian, guru perlu peka terhadap masalah yang dihadapi oleh anak didik dan membantu murid untuk menyelesaikan masalah tersebut. Guru boleh membantu murid dengan memberikan latihan serta pengukuhan yang berterusan dengan menggunakan teknik-teknik tertentu bagi mengukuhkan kata dan ayat bahasa Melayu murid India tingkatan tiga. Selain itu, guru digalakkan mendedahkan murid dengan suasana PdPc di Pusat Sumber Sekolah (PSS) sebagai langkah untuk memudahkan murid mendapatkan bahan bacaan yang boleh membantu mereka mengarang karangan eksposisi dengan menggunakan struktur kata yang betul dan tepat.

Selain itu, kajian ini juga dapat meningkatkan kepekaan guru terhadap kelemahan murid dalam penulisan karangan eksposisi melalui penyemakan karangan yang ditulis dengan teliti. Kelemahan dan kesilapan yang dilakukan oleh murid perlu diberitahu secara langsung dan guru perlu memberi bimbingan supaya kesalahan dapat dibetulkan semula. Guru-guru juga dapat mendedahkan murid terhadap penggunaan kamus dewan yang menjadi rujukan dalam penulisan karangan eksposisi dan dapat mengurangkan kesalahan bahasa. Di samping itu, guru perlu memberi galakan dan terus membimbing murid yang lemah terutamanya dengan melaksanakan PdPc yang menjurus kepada latihan-latihan BM yang merangkumi pelbagai jenis penggunaan kata



yang betul menurut tatabahasa Melayu seperti penggunaan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

1.9.3 Meningkatkan Tahap Penguasaan Murid Di Sekolah Terhadap Penulisan Karangan Eksposisi

Kajian ini dapat dijadikan sebagai penanda aras sekolah bagi meningkatkan tahap penguasaan murid terhadap penulisan karangan eksposisi. Dengan adanya penanda aras tersebut sekolah boleh mengambil langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan lagi serta memberikan pendedahan dan latihan yang konsisten kepada murid dalam penulisan karangan eksposisi yang berterusan. Sehubungan dengan itu, guru akan lebih terbiasa dan tidak kekok untuk menumpukan aspek yang menjadi kelemahan murid dalam penulisan sebagai salah satu langkah PdPc. Selain itu, melalui kajian ini juga sekolah dapat membekalkan kursus dan bahan yang sesuai untuk guru untuk meningkatkan lagi penguasaan murid. Melalui pendedahan seperti kursus tersebut, secara tidak langsung dapat menambahkan pengetahuan guru terhadap teknik yang sesuai untuk mengajar murid India yang lemah dalam penulisan karangan eksposisi seterusnya dapat meningkatkan keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Selanjutnya, penyelidikan ini dapat menggalakkan pihak sekolah untuk mengadakan pelbagai aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran bahasa murid sekali gus meningkatkan mutu Bahasa Melayu di sekolah. Aktiviti-aktiviti seperti Bulan Bahasa, ceramah, forum, kuiz, Bijak Bahasa, pertandingan pantun, mendeklamasikan





puisi, pidato dan sebagainya secara tidak langsung dapat menerapkan murid kepada pelbagai elemen bahasa dan menambahkan pengetahuan kosa kata murid. Kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada pihak sekolah supaya tidak membelakangkan murid-murid yang lemah dalam penulisan karangan eksposisi dengan mengadakan kelas bimbingan secara konsisten dan menyediakan guru yang pakar serta terlatih dalam pengajaran bahasa Melayu terutamanya pengajaran karangan eksposisi.

1.9.4 Merangka Kursus Penambahbaikan Pdpc Karangan Eksposisi Yang Berkesan Kepada Guru

Penyelidikan ini dapat dijadikan panduan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di setiap negeri untuk mengatasi pelbagai masalah yang melibatkan kelemahan murid India terhadap penguasaan penulisan karangan eksposisi bahasa Melayu. Selain itu, JPN juga dapat merangka langkah-langkah penambahbaikan terhadap PdPc yang sedia ada di sekolah-sekolah. Pihak JPN boleh mengaturkan kursus berkaitan teknik yang berkesan bagi meningkatkan penguasaan penulisan karangan eksposisi murid India kepada guru-guru yang memegang jawatan berkaitan di sekolah seperti guru kanan, guru mata pelajaran dan ketua panitia. Hal ini sebagai pendedahan awal kepada guru tersebut bagi meningkatkan lagi penguasaan penulisan karangan eksposisi bahasa Melayu murid bahasa kedua dalam PdPc.

Jabatan Pendidikan Negeri perlu mensyaratkan guru yang menerima kursus tersebut perlu membuat kursus dalaman di sekolah dengan tempoh jam yang tertentu bagi meyakinkan keberkesanan kursus tersebut. JPN juga dicadangkan supaya





melaksanakan lawatan penanda aras peringkat negeri dan kebangsaan dengan mengaturkan lawatan ke sekolah harian yang memperoleh skor lulus 100% dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid lemah. Secara tidak langsung guru-guru dapat mencedok ilmu dan cara yang diterapkan dalam pengajaran di sekolah tersebut dan mengaplikasikan dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah masing-masing.

1.9.5 Merangka Langkah-Langkah Penambahbaikan Terhadap Program Sedia Ada

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga turut tidak ketinggalan dalam usaha meningkatkan lagi penguasaan penulisan karangan eksposisi bahasa Melayu murid bahasa kedua di sekolah seterusnya meningkatkan keputusan peperiksaan di sekolah serta peperiksaan awam. Keputusan peperiksaan dapat dijadikan panduan untuk memantapkan lagi perancangan serta pelaksanaan program latihan pada masa akan datang untuk guru-guru yang berkaitan. Di samping itu, pihak KPM juga dapat merangka langkah-langkah penambahbaikan terhadap program-program yang sedia ada dalam tempoh ini. Secara tidak langsung, semua pihak terutamanya guru dapat merasai faedah dan mempunyai kemahiran dan persediaan dalam aspek penulisan karangan eksposisi ini.

Dengan bantuan daripada KPM, dapat memudahkan lagi tugas guru di sekolah untuk melaksanakan PdPc penulisan karangan eksposisi. KPM juga perlu membekalkan dana kewangan yang mencukupi kepada sekolah-sekolah untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh pihak sekolah bagi tujuan





membeli bahan-bahan aktiviti dan bahan pengajaran di dalam kelas. Selain itu, KPM dapat melaksanakan ceramah-ceramah di sekolah untuk mencapai prestasi yang memberangsangkan bagi murid India khususnya dengan khidmat guru cemerlang BM di seluruh negara. Secara tidak langsung, guru cemerlang dapat berkongsi teknik kepada guru dan murid untuk meningkatkan pencapaian bahasa Melayu terutama dalam penulisan karangan eksposisi.

1.10 Kesimpulan

Rumusannya, dalam bab ini tentang pengenalan adalah berkisar kepada latar belakang kajian hingga definisi operasional. Fenomena kajian terletak kepada kelemahan kata tugas dalam penulisan karangan eksposisi murid, manakala faktor kelemahan kata tugas dan perbezaan peratus antara faktor kelemahan dengan markah karangan eskposisi murid ditonjol sebagai isu yang menjadi penelitian pengukuran dalam operasi kajian. Tegasnya, kajian gabungan ini digarab untuk mencerap fenomena antara kelemahan kata tugas dengan faktor kelemahan dari sudut hukum bahasa dalam karangan eksposisi murid India tingkatan tiga. Operasi kelemahan kata tugas dan faktor kelemahan disesuaikan dengan penggunaan Teori Corder (1974)); lima langkah, Corder (1973); empat kriteria dan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015) yang disejajar dengan semua objektif kajian dan soalan kajian yang langsung diselari dengan masalah kajian sebenar yang hendak dianalisis.

